

## **BAB 3**

### **METODOLOGI**

#### **3.0 Pengenalan**

Kajian ini mengaplikasikan teknik MG standard. Rujukan utama kajian ini dan kerangka analisisnya adalah berdasarkan kajian oleh Zhang (2009) dan Cavallaro & Ng (2009) tetapi disesuaikan mengikut kehendak kajian ini. Aliran kerja kajian adalah seperti berikut:

- (1) Penentuan responden kajian
- (2) Penyediaan teks bacaan
- (3) Pemilihan pembaca-pembaca teks
- (4) Rakaman suara bacaan teks
- (5) Penyediaan ujian MG dan soal selidik
- (6) Pelaksanaan kajian rintis (*pilot test*)
- (7) Pelaksanaan kajian sebenar

Dalam Bab 3 ini ketujuh-tujuh proses kerja tersebut akan dihuraikan dengan terperinci mengikut urutan.

#### **3.1 Responden kajian**

Responden untuk kajian ini perlu menepati ciri-ciri berikut:

- (1) penduduk Kuching yang menetap (atau pernah menetap) di Kuching lebih daripada sebulan;
- (2) berbangsa Cina;
- (3) merupakan sebahagian daripada komuniti atas-talian; dan
- (4) berumur 14 tahun dan ke atas.

Kupasan berkenaan komuniti atas-talian diberikan dalam bahagian **3.1.1**, sementara bahagian **3.1.2** membincangkan rasional penetapan 14 tahun sebagai umur minimum responden. Bahagian **3.1** diakhiri dengan penentuan bilangan sampel yang diperlukan dalam kajian ini.

### **3.1.1 Komuniti atas-talian**

Banyak perbincangan boleh didapati berkenaan definisi ‘komuniti atas-talian’ (Preece, 2000), tetapi definisi oleh Ridings, Gefen & Arinze (2002:273) iaitu “*groups of people with common interests and practices that communicate regularly and for some duration in an organized way over the Internet through a common location or mechanism*” memberi gambaran yang lebih komprehensif mengenai komuniti tersebut. Walau bagaimanapun, untuk tujuan kajian ini, komuniti atas-talian hanya mengambil definisi sebagai mereka yang mempunyai sekurang-kurangnya satu akaun atas-talian untuk tujuan berurusan secara atas-talian, contohnya untuk berhubung dengan orang lain, menjalankan transaksi bank, melayari buletin atas-talian atau sekadar menghantar dan menerima emel.

Komuniti atas-talian dipilih kerana kajian-kajian lepas yang menggunakan teknik MG banyak dijalankan di sekolah atau kolej (Obiols, 2002) dan terlalu bergantung kepada pelajar sebagai responden (Reddington, 2008), justeru hasil kajian tidak dapat menggambarkan sikap bahasa bagi komuniti yang lebih luas. Penggunaan komuniti atas-talian sebagai responden boleh mengatasi masalah ini kerana komuniti ini terdiri daripada pelbagai kumpulan sosial dengan ciri-ciri sosial yang berbeza, antaranya umur, taraf pendidikan, dan taraf sosioekonomi (contoh kajian oleh Coupland & Bishop, 2007; British Broadcasting Corporation, 2004). Pengumpulan dan penempatan responden-responden yang mempunyai ciri-ciri ini dalam satu bilik ujian MG boleh dikatakan hampir mustahil. Di samping itu ujian MG turut dikatakan mempunyai

kelemahan kerana bersifat eksperimental (Obiols, 2002:4). Pelaksanaannya di bilik darjah atau makmal dirasakan sebagai tidak semulajadi (Obiols, 2002:4). Kelemahan ini diatasi dengan ujian MG dijalankan secara atas-talian supaya responden boleh menjalankan ujian dalam keadaan yang relaks, justeru bias makmal boleh diminimumkan. Sebagai komuniti yang berkembang dengan cepat, kajian ke atas komuniti atas-talian juga dipercayai bakal membuka mata ahli sosiolinguistik berkenaan sikap bahasa mereka.

### **3.1.1.1 Masalah dengan komuniti atas-talian dan usaha mengatasinya**

Sememangnya kajian menggunakan komuniti atas-talian juga dikritik sebagai memaparkan beberapa kelemahan utama. Kelemahan pertama adalah sama ada sampel kajian boleh mewakili keseluruhan komuniti atas-talian, memandangkan terdapat kajian (contohnya Bandilla, 2002; Corkrey & Parkinson, 2002; Birnbaum & Martin, 2003; Reips, 2002) yang menunjukkan bahawa populasi atas-talian sebenarnya boleh memilih untuk menyertai survei atas-talian mengikut isi hati sendiri (*self-select*). Keadaan ini bakal menimbulkan persoalan tentang perwakilan (*representativeness*) (Birnbaum, 2004; Granello & Wheaton, 2004; Evans & Mathur, 2005). Kelemahan-kelemahan lain termasuk kadar respons yang rendah berbanding survei yang menggunakan kertas dan pensil (Welker, 2001; Fricker & Schonlau, 2002), dan penghantaran survei melebihi sekali (*multiple submissions*) (Birnbaum, 2000; Zhang, 1999; Schmidt, 1997).

Persoalan mengenai perwakilan merupakan isu yang umum dan memang wujud dalam survei atas-talian (Clayton, 2004; Couper 2000). Pengkaji cuba mengatasi kelemahan ini sebaik mungkin dengan menggunakan persampelan bola salji (*snowball sampling*). Sesungguhnya, persampelan bola salji “... *can be especially useful when ... no sampling frame is available.*” (Johnson & Christensen, 2004:216). Menurut Chua (2006:202) pula, “Walaupun prosedur persampelan [bola salji] ini tidak melibatkan

pemilihan rawak, ia sesuai digunakan pada keadaan-keadaan yang mana prosedur persampelan lain tidak sesuai digunakan.” Pelaksanaan persampelan bola salji dalam kajian ini adalah: Pengkaji terlebih dahulu meminta mereka yang berada dalam rangkaian sosial pengkaji untuk melengkapkan survei. Mereka juga diminta memanjangkan emel jemputan survei (rujuk **Lampiran B**) kepada kenalan-kenalan yang berada dalam rangkaian sosial masing-masing untuk tolong melengkapkan survei yang sama. Melalui kaedah persampelan bola salji ini, diharapkan responden-responden dari latar belakang yang pelbagai boleh didapatkan.

Penggunaan Internet (khususnya jalur lebar) dilaporkan sebagai semakin meluas di Malaysia (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, n.d.); dalam pada itu, wujudnya keseimbangan dalam pengguna Internet dalam rumah dari segi jantina (50.2% lelaki dan 49.8% perempuan) (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2005:8). Keseimbangan ini bermaksud ralat persampelan bakal dikurangkan (Clayton, 2004). Namun begitu, perlu ditegaskan juga bahawa pengkaji mengakui limitasi kajian atas-talian, justeru hasil kajian ini tidak bermaksud untuk digeneralisasikan kepada keseluruhan komuniti atas-talian ataupun kepada keseluruhan komuniti penduduk Cina di Kuching, sebaliknya apa-apa hasil dapatan sepatutnya dilihat sebagai dapatan daripada satu kajian kes sahaja.

Untuk mengatasi masalah berkenaan kadar respons, isu-isu berkenaan kerahsiaan (*anonymity*) (Sheehan, 2010), menyebarkan soal selidik tanpa sekatan kata laluan (Granello & Wheaton, 2004), serta menjadikan muka pertama survei ringkas (Bhaskaran, n.d.) diberi perhatian dalam kajian ini. Selain itu survei ini juga disebarikan menerusi tapak rangkaian sosial *facebook* (memandangkan ia merupakan satu rangkaian komunikasi yang popular pada masa ini) dan forum-forum atas-talian tempatan.

Masalah mengenai penghantaran survei melebihi sekali pula sebenarnya bukan masalah yang besar kerana ia jarang berlaku dan senang dikesan dengan alamat *Internet*

*Protocol* (IP) yang sama (Birnbaum, 2004). Masalah ini biasanya hanya berlaku atas dua keadaan: Secara bukan sengaja (contohnya lebih daripada seorang responden menggunakan satu komputer dengan alamat IP yang sama, atau komputer-komputer sebuah syarikat yang didaftarkan di bawah satu alamat IP yang sama) atau secara sengaja. Memandangkan survei ini memakan masa lebih kurang 15 minit dan tidak ada insentif diberikan, dijangkakan kemungkinan untuk penghantaran survei melebihi sekali secara sengaja oleh responden adalah rendah. Penyekatan penghantaran survei melebihi sekali daripada alamat IP yang sama tidak sesuai untuk survei ini kerana responden mungkin meminta ahli-ahli keluarga yang lain untuk menjawab survei menggunakan komputer yang sama. Justeru survei ini merujuk kepada cadangan Birnbaum (2004) iaitu meminta responden-respnden meninggalkan alamat emel mereka. Alamat emel ini berfungsi sebagai pengesahan identiti responden sekiranya pengkaji mendapati terdapat penghantaran survei melebihi sekali daripada alamat IP yang sama. Selain itu responden-respnden juga diberitahu dengan jelas supaya hanya menyertai survei ini sekali sahaja. Dengan ini masalah penghantaran survei melebihi sekali dapat dikawal.

### **3.1.2 Penetapan 14 tahun sebagai umur minimum responden**

Seseorang individu hanya dikatakan sebagai telah menguasai bahasa pertamanya dengan lengkap (merangkumi fonetik dan fonologi, morfologi, sintaks, leksikologi dan semantik) dalam lingkungan umur 12~14 tahun (Baskaran, 2010). Pada tahap ini individu berkenaan dikatakan sebagai “*full-fledged speaker of the language*” (Baskaran, 2005:11). Oleh itu 14 tahun dikenalpasti sebagai had umur minimum bagi responden kajian ini.

Responden-respnden dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan umur 14-19, 20-29, 30-39, 40-49, serta 50 tahun dan ke atas dengan andaian bahawa sesuatu pola boleh didapati berdasarkan pembahagian sedemikian.

### 3.1.3 Bilangan responden yang diperlukan

Persampelan bola salji sebagai sejenis persampelan bukan kebarangkalian (Chua, 2006; Johnson & Christensen, 2004) sebagaimana yang diguna dalam kajian ini lazimnya menggunakan dua pendekatan untuk menentukan saiz sampel yang diperlukan, seperti mana yang diutarakan oleh Beri (2007:198):

*How should the size of non-probability sample be determined? In this case, there is no theoretical basis for estimating sampling error... Generally, two approaches are followed in [determining the size of] non-probability samples. One approach is to determine the size as if it were a probability sample. Another approach is to take as large a sample as possible within the constraints of time and money.*

Populasi atas-talian merupakan populasi yang saiznya tidak dapat diketahui. Mora (2010) menyatakan bahawa untuk saiz populasi yang tidak diketahui, anggapan boleh dibuat bahawa bilangannya adalah besar (>100,000). Menurut Cohen, Manion & Morrison (2001), dengan menetapkan ralat persampelan (*margin of error*) pada 5% dan aras kebolehpercayaan (*confidence level*) pada 95%, saiz populasi sebanyak 100,000 memerlukan saiz sampel sebanyak 383 orang; sementara saiz populasi sebanyak 1,000,000 pula memerlukan saiz sampel sebanyak 384 orang. Dengan ini, pengkaji memutuskan supaya saiz sampel bagi kajian ini sekurang-kurangnya harus mencecah 384 orang.

## 3.2 Teks bacaan

Satu petikan teks autentik yang neutral dari segi kandungan dan emosi dipilih daripada ruangan *Fukan – Xingyun* dalam akhbar Cina tempatan *Sin Chew Daily* bertarikh 29 September 2010 (<http://www.sinchew.com.my/node/177459?tid=3>). Petikan teks menceritakan luahan pendapat penulis berkenaan penggunaan ungkapan ‘saya cinta padamu’ dalam masyarakat Timur dan Barat, serta mengaitkannya dengan perasaan cinta pada tanah air. Teks ini telah dipendekkan untuk tujuan kajian (rujuk **Lampiran A**). Topik yang neutral adalah penting dalam ujian MG kerana tidak akan merangsang

emosi responden, justeru tidak mempengaruhi respons mereka; untuk kajian ini, walaupun topik ‘cinta’ adalah sesuatu yang secara semula jadinya bersangkutan paut dengan emosi, namun konteks keseluruhan teks yang dipilih dapat menjadikannya neutral. Selain itu, adalah penting juga untuk memastikan topik yang digunakan boleh dikaitkan dengan kehidupan orang biasa (Ben Said, 2008). Aspek kekongruenan topik dengan variasi bahasa yang dikaji (rujuk bahagian 2.2.2) telah diambil kira dalam pemilihan teks supaya teks ini sesuai dibaca dalam variasi-variasi bahasa Cina yang dikaji tanpa kedengaran janggal.

### 3.2.1 Variasi bahasa Cina yang dibacakan

Sebanyak empat variasi bahasa Cina (rujuk Jadual 3.1) dengan isi kandungan yang sama dibacakan. Keempat-empat variasi ini merupakan variasi yang hendak dikaji.

Jadual 3.1: Empat variasi bahasa Cina yang dibacakan dan rasional penggunaan masing-masing

<b>Variasi</b>	<b>Rasional penggunaan</b>
Bahasa Mandarin Standard	Variasi standard yang disebarkan melalui media massa.
Bahasa Mandarin basahan	Variasi yang tidak standard tetapi berfungsi sebagai lingua franca di Kuching.
Dialek Hokkien	Dialek yang dominan dan mempunyai kedudukan sebagai dialek lingua franca di Kuching.
Dialek Kantonis	Dialek yang kurang dominan di Kuching tetapi disebarkan oleh media massa.

### 3.3 Pembaca teks

Pembaca-pembaca teks terdiri daripada pembekal stimulus dan pembekal stimulus gangguan.

#### 3.3.1 Pembekal stimulus

Dua orang pembekal stimulus didapatkan untuk membacakan teks yang disediakan. Kriteria pemilihan pembekal stimulus adalah

- (1) warganegara Malaysia berbangsa Cina;
- (2) perempuan;
- (3) umur antara 20-30 tahun;
- (4) berpendidikan tinggi (pemegang Ijazah Sarjana Muda); dan
- (5) mampu bertutur dengan biasa dan lancar dalam sekurang-kurangnya satu daripada variasi-variasi bahasa Cina yang hendak dikaji (iaitu repertoire linguistik mereka mengandungi sekurang-kurangnya satu daripada variasi-variasi bahasa Cina yang hendak dikaji).

Kawalan ke atas kewarganegaraan dan bangsa dikenakan kerana faktor-faktor ini boleh mempengaruhi sikap responden (Cargile et al. dan Gallois & Callan dalam Cavallaro & Ng, 2009). Selain itu faktor jantina (Lambert, 1967), umur, taraf pendidikan serta tahap kecekapan dalam variasi-variasi yang hendak dikaji juga dikawal. Faktor jantina dan umur perlu dikawal kerana kualiti suara yang dipengaruhi oleh kedua-dua faktor ini mungkin memberi kesan ke atas sikap responden (Zhang, 2009), sementara taraf pendidikan yang setara boleh menyerupakan bacaan pembekal-pembekal stimulus, justeru meminimumkan kemungkinan responden-responden menilai mereka berdasarkan pembacaan dan bukannya variasi bahasa mereka (Ihemere, 2006) (rujuk bahagian 2.2.2). Pembekal-pembekal stimulus dan variasi bacaan masing-masing ditunjukkan dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.2: Pembekal-pembekal stimulus dan variasi bacaan masing-masing

<b>Pembaca teks</b>	<b>Variasi yang dibaca</b>	<b>Label rakaman</b>
Pembekal stimulus A	Dialek Hokkien	H
	Bahasa Mandarin basahan	M2
	Dialek Kantonis	K
Pembekal stimulus B	Bahasa Mandarin Standard	M1



### 3.3.2 Pembekal stimulus gangguan

Suara pembekal stimulus A akan diperdengarkan kepada responden sebanyak tiga kali. Untuk mengelakkan suara beliau dimainkan dua kali secara berturut-turut dan juga untuk tujuan gangguan, seorang pembekal stimulus gangguan didapatkan. Rakaman oleh pembekal stimulus gangguan akan diselitkan di antara dua rakaman yang dihasilkan oleh pembekal stimulus A. Penggunaan stimulus gangguan dijangka mengalih perhatian responden-responden supaya setelah mereka diperdengarkan kepada stimulus gangguan ini, mereka sudah melupakan ciri-ciri suara pembekal stimulus A. Justeru apabila diperdengarkan kepada rakaman oleh pembekal stimulus A yang satu lagi ekoran stimulus gangguan, responden-responden dijangka tidak dapat mengesan rakaman itu sebenarnya dihasilkan oleh pembekal stimulus A, sebaliknya menganggapnya sebagai rakaman oleh individu yang berbeza (rujuk bahagian 2.2.1).

Kriteria pemilihan pembekal stimulus gangguan sama seperti kriteria pemilihan pembekal stimulus. Pembekal stimulus gangguan ini membacakan bahasa Mandarin basahan. Disebabkan peranannya sebagai stimulus gangguan, data untuk rakaman ini tidak akan diambil kira dalam analisis kajian.

Jadual 3.3: Pembekal stimulus gangguan dan variasi bacaannya

<b>Pembaca teks</b>	<b>Variasi yang dibaca</b>	<b>Label rakaman</b>
Pembekal stimulus C	Bahasa Mandarin basahan	M3

### 3.4 Instrumen kajian

Tiga instrumen kajian digunakan, iaitu rakaman suara bacaan teks, ujian MG dan soal selidik.

### 3.4.1 Rakaman suara bacaan teks

Sebelum proses rakaman bermula, pembaca-pembaca teks diberitahu dengan jelas bahawa identiti mereka tidak akan dibocori. Setelah bersetuju untuk menjadi pembaca teks, setiap seorang daripadanya diberi masa untuk mengimbas teks yang disediakan. Mereka diminta membaca seberapa semulajadi yang mungkin, tetapi dengan nada, kelantangan dan kelajuan yang sederhana demi menjaga keserupaan dalam bacaan (rujuk bahagian 2.2.2). Untuk kesenangan pembaca teks, mereka dibenarkan merakam sendiri seberapa banyak edisi yang boleh tanpa kehadiran pengkaji, dengan syarat hasil rakaman harus bebas daripada suara latar. Hasil-hasil rakaman kemudiannya dihantar kepada pengkaji sama ada menerusi emel atau pesanan ringkas telefon bimbit. Proses rakaman, pemeriksaan, dan rakaman semula telah diulangi beberapa kali dengan pembaca-pembaca teks sebelum bacaan yang dirasakan semulajadi diperoleh.

Proses rakaman oleh pembaca-pembaca teks dan pemilihan rakaman oleh pengkaji berlangsung dari awal Disember 2010 sampai awal Januari 2011. Jadual 3.4 menunjukkan kepanjangan setiap rakaman. Rakaman M2 memakan masa yang lebih panjang kerana pembacanya telah menggunakan partikel-partikel seperti *lah, mah, hoh, de, ah, boh, liao, hah* dan *ler* yang lazim kedengaran dalam bahasa Mandarin basahan.

Jadual 3.4: Kepanjangan setiap rakaman

Label rakaman	Kepanjangan rakaman
H	1 minit 12 saat
K	1 minit 16 saat
M1	1 minit 15 saat
M2	1 minit 32 saat
M3	1 minit 6 saat

### 3.4.2 Ujian MG

Soalan ujian MG disediakan dalam dua edisi (bahasa Cina dan bahasa Inggeris). Bahasa Inggeris (dan bukannya bahasa Melayu) digunakan setelah pengkaji

mempertimbangkan kemungkinan terdapatnya generasi tua yang menerima pendidikan hanya dalam bahasa Inggeris.

Ujian MG bermula apabila rakaman pertama mula dimainkan oleh responden. Ia mengandungi soalan yang meminta responden menilai pembaca teks berdasarkan sifat-sifat semantik (*semantic traits*) yang dipaparkan dengan menggunakan skala Likert 5 poin. Poin paling kiri mewakili tahap terendah (contohnya sangat bodoh) manakala poin paling kanan mewakili tahap tertinggi (contohnya sangat cerdik). Ini bermakna semua sifat negatif disusun di sebelah kiri skala sementara semua sifat positif disusun di sebelah kanan skala. Penyusunan sedemikian adalah untuk meminimumkan kekeliruan pada pihak responden. Sebanyak 14 sifat digunakan, antaranya 7 sifat tergolong dalam dimensi status (berpendidikan, bijak, berjaya, kaya, moden, kreatif, boleh bersosial) dan sifat-sifat selainnya tergolong dalam dimensi kekitaan (peramah, rendah diri, murah hati, jujur, rajin, boleh diharap, ikhlas) (Zhang, 2009). Soalan dan sifat-sifat semantik yang sama digunakan untuk rakaman pertama sampai kelima.

### **3.4.3 Soal selidik**

Kelima-lima ujian MG yang diterangkan dalam bahagian 3.4.2 masing-masing diikuti oleh satu set soal selidik yang terdiri daripada 10 item (rujuk Jadual 4.7). Item-item ini disediakan dalam dua edisi juga (bahasa Cina dan bahasa Inggeris). Kesemua item dalam soal selidik ini menghendaki responden memberi respons berdasarkan kenyataan yang diberikan dengan menggunakan skala Likert 5 poin, yang mana poin paling kiri mewakili 'sangat tidak bersetuju' dan poin paling kanan mewakili 'sangat setuju'. Tujuan item-item ini dikemukakan adalah untuk meninjau sikap bahasa responden dengan lebih mendalam.

Pada akhir survei, responden-responden diminta membekalkan maklumat-maklumat peribadi iaitu

- (1) jantina;
- (2) tahun lahir;
- (3) bahasa pertama (bahasa yang paling kerap diguna);
- (4) taraf pendidikan;
- (5) jumlah pendapatan (taraf sosioekonomi);
- (6) sedang menetap (atau pernah menetap) di kawasan mana dalam Kuching;  
dan
- (7) alamat emel.

Soalan susulan berkenaan tahun lahir dan di kawasan mana responden menetap dalam Kuching digunakan untuk tujuan menyemak kesahan maklumat sepertimana yang dibekalkan oleh mereka sebelum survei bermula (rujuk bahagian 3.6). Permintaan alamat emel responden bertujuan mengesan identiti mereka bagi mengelakkan penghantaran survei melebihi sekali oleh responden yang sama (rujuk bahagian 3.1.1.1).

### **3.5 Kajian rintis**

Untuk pengesanan masalah-masalah yang mungkin timbul semasa melaksanakan ujian MG sebenar, pengujian kesahan soal selidik, dan pengenalpastian sama ada survei ini dapat dipaparkan dengan betul pada pelayar-pelayar (*browsers*) yang berbeza (contohnya *Internet Explorer*, *Avant Browser*, *Mozilla Firefox*, *Google Chrome* dan seumpamanya), satu kajian rintis telah dijalankan secara atas-talian dari 22 hingga 29 Januari 2011. Responden-responden kajian merupakan 18 orang kenalan pengkaji berbangsa Cina yang merupakan penduduk Kuching. Mereka berada dalam lingkungan umur 20-29 tahun.

Survei yang digunakan dalam kajian rintis merupakan survei yang akan digunakan untuk kajian sebenar, tetapi empat soalan ditambah untuk survei kajian rintis, iaitu

- (1) Apakah masalah (atau masalah-masalah) yang anda hadapi semasa menjawab survei ini? Sila nyatakan masalah (atau masalah-masalah) ini dengan seteliti yang mungkin.
- (2) Apakah cadangan anda untuk menambahbaikkan survei ini?
- (3) Apakah pelayar yang anda gunakan semasa menjawab survei ini?
- (4) Anda menggunakan *broadband* atau *56k dial-up modem* untuk menjawab survei ini?

Responden-responden juga dimaklumkan bahawa memandangkan mereka telah menyertai survei ini, mereka tidak perlu lagi menyertainya sekali lagi sekiranya mereka menerima emel jemputan survei daripada kenalan-kenalan pada masa akan datang untuk menyertai survei yang sama.

### **3.6 Kajian sebenar**

Rakaman-rakaman dan soal selidik (edisi yang telah ditambahbaik) dimuat naik ke atas laman web *kwiksurveys* ([www.kwiksurveys.com](http://www.kwiksurveys.com)). Laman web ini dibangunkan oleh kumpulan *kwiksurveys* pada tahun 2008 dan bertujuan membolehkan pengguna mencipta survei atas-talian secara percuma dan mudah. Banyak syarikat antarabangsa seperti Disney, Pepsi, dan Glaxo Smith Kline telah memanfaatkan laman web ini dalam penciptaan survei masing-masing.

Sebelum survei bermula, responden-responden dimaklumkan bahawa survei ini adalah untuk memenuhi keperluan akademik bagi program ijazah pascasiswazah pengkaji. Responden-responden diyakini bahawa kerahsiaan respons mereka dalam survei ini adalah terjamin (rujuk bahagian **3.1.1.1**). Seterusnya mereka diminta memberitahu

- (1) sama ada menetap atau pernah menetap di Kuching selama sekurang-kurangnya sebulan;

- (2) sama ada berbangsa Cina;
- (3) sama ada mempunyai sekurang-kurangnya satu akaun atas-talian untuk tujuan berurusan secara atas-talian; dan
- (4) kumpulan umur mereka.

Sekiranya mereka memberikan jawapan negatif untuk soalan (1), (2) atau (3), atau mereka melapor sebagai berumur 13 tahun atau ke bawah (iaitu tidak menepati ciri-ciri responden), maka dengan bantuan fungsi *skip logic* laman web mereka akan dikeluarkan dari survei dan dibawa ke muka paparan penghargaan (*thank you page*).


Responden-responden yang menepati ciri-ciri seterusnya akan dibawa ke muka paparan (*display page*) baru dan diberitahu bahawa objektif untuk survei ini adalah untuk meninjau pendapat mereka mengenai penggunaan bahasa oleh individu-individu dalam lima rakaman berbeza. Responden-responden diminta membayangkan bahawa mereka sedang berada di kedai kopi dan terdengar percakapan seorang perempuan yang duduk membelakangi mereka. Kandungan percakapan perempuan itu ialah rakaman-rakaman yang akan diperdengarkan kepada mereka. Responden-responden seterusnya diberitahu bahawa mereka hanya perlu menyatakan sifat-sifat yang dirasakan dimiliki oleh setiap perempuan itu menerusi rakamannya semata-mata. Responden-responden tidak diberitahu secara langsung bahawa sikap bahasa mereka akan diuji.

Dalam fasa ujian MG, urutan rakaman yang diperdengarkan kepada responden-responden adalah K, M1, H, M3 dan M2. Ini bermakna tidak ada dua rakaman daripada satu-satu pembaca teks yang sama akan dimainkan secara berturut-turut.

Jadual 3.5: Urutan rakaman yang diperdengarkan

Urutan	1	2	3	4	5
Label rakaman	K	M1	H	M3	M2
Pembekal stimulus	A	B	A	C	A

Melalui aplikasi yang dibekalkan dalam laman web *kwiksurveys*, kesemua instrumen kajian disusun supaya rakaman pertama berada pada muka paparan yang sama dengan ujian MG dan soal selidikinya, rakaman kedua berada pada muka paparan yang sama dengan ujian MG dan soal selidikinya, dan cara paparan ini diulangi hingga rakaman kelima. Responden-responden dinasihati supaya membaca soalan-soalan (iaitu ujian MG dan soal selidikinya) sebelum mendengar rakaman supaya mereka dapat menjangka jenis soalan yang akan ditanya. Mereka hanya dapat maju ke rakaman yang baru setelah habis menjawab ujian MG dan soal selidik yang terdahulu (rujuk Rajah 3.1). Responden tidak dibekalkan dengan pilihan untuk balik ke muka paparan yang terdahulu setelah mereka menekan butang ‘seterusnya’. Bergantung kepada pelayar yang digunakan, penekanan butang ‘back’ pada pelayar pula sama ada tidak akan diizinkan (*disabled*) atau akan membuka semula laman web yang telah dikunjungi sebelum responden masuk ke laman web survei. Responden-responden diingatkan supaya tidak tekan butang ‘back’ pada pelayar sepanjang survei berjalan.



Rajah 3.1: Aliran survei

Seperti yang diterangkan dalam bahagian **3.1.1.1**, responden-responden bagi kajian ini didapatkan menerusi penghantaran emel jemputan survei kepada kenalan-kenalan yang berada dalam rangkaian sosial pengkaji. Isi kandungan emel jemputan survei adalah seperti berikut:

- (1) memperkenalkan latar belakang pengkaji sebagai ahli akademik;

- (2) memaklumkan hasrat pengkaji untuk mendapatkan pandangan penerima emel seramai yang boleh berkenaan topik survei; dan
- (3) memberitahu jangkaan masa yang diperlukan untuk melengkapkan survei.

Dua edisi emel jemputan survei (satu dalam bahasa Cina dan satu lagi dalam bahasa Inggeris) dihantar bersama-sama. Setiap edisi ini mengandungi alamat laman web survei yang membawakan responden ke survei dalam bahasa masing-masing. Saiz sampel dijangka bertambah dengan kenalan-kenalan tersebut memanjangkan emel jemputan yang sama kepada kenalan-kenalan yang berada dalam rangkaian sosial mereka untuk menyertai survei yang sama. Pengkaji juga menyebarkan emel jemputan survei tersebut melalui tapak rangkaian sosial *facebook* dan forum-forum atas-talian tempatan. Survei ini terbuka kepada sesiapa sahaja tanpa sekatan kata laluan. Walau bagaimanapun hanya mereka yang menepati ciri-ciri responden (rujuk bahagian 3.1) dapat meneruskan survei.

Masa kira-kira sebulan (30 Januari sampai 4 Mac 2011) diluangkan untuk proses kutipan data. Memandangkan rakaman M3 hanya berfungsi sebagai stimulus gangguan dan tidak akan diambil kira dalam analisis (rujuk bahagian 3.3.2), hanya data-data untuk empat rakaman stimulus yang selainnya dimuat turun dan dianalisis. Dengan menggunakan program *Microsoft Excel* dalam proses pengiraan, analisis dijalankan berpandukan purata ke atas penilaian yang diperoleh daripada responden.